

**Tujuh muka baru dilantik
Utusan Online
September 29, 2011
Oleh SOPI SAMAILE**

KUCHING 28 Sept. - Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengumumkan hanya satu sahaja jawatan timbalan Ketua Menteri diwujudkan dalam rombakan Kabinet baru Sarawak pada sidang akhbar di Wisma Bapa Malaysia di sini, petang ini.

Beliau berkata, dalam rombakan tersebut, sebuah kementerian baru diwujudkan iaitu Kementerian Kebajikan, Wanita dan Hal Ehwal Prasekolah yang akan diterajui oleh Datin Fatimah Abdullah yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Menteri di Pejabat Ketua Menteri.

Menurutnya, tiada rombakan membabitkan jawatan menteri penuh, namun tiga dilantik sebagai menteri kanan iaitu Tan Sri James Jemut Masing; Datuk Seri Wong Soon Koh serta Tan Sri William Mawan Ikom.

“Dalam rombakan kali ini juga menyaksikan tujuh muka baru dilantik sebagai Menteri Muda bagi mengisi kekosongan enam jawatan tersebut selepas keputusan pilihan raya negeri yang lalu.

“Mereka ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sebuyau, Julaihi Narawi; ADUN Asajaya, Abdul Karim Rahman Hamzah; ADUN Bukit Saban, Robert Lawson Chuat Vincent Entering; ADUN Belawai, Len Talif Salleh; ADUN Bengoh, Jerip Susil; ADUN Belaga, Liwan Lagang serta ADUN Bekenu, Rosey Yunus,” katanya di sini.

Abdul Taib berkata, rombakan kali ini lebih menjurus kepada memantapkan jentera kerajaan dalam menggunakan pendekatan baru dalam melaksanakan polisi serta dasar-dasar kerajaan.

Ditanya mengenai ketiadaan satu lagi jawatan Timbalan Ketua Menteri, Abdul Taib memberitahu, perkara tersebut tidak menjadi masalah memandangkan timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu Numpang merupakan seorang berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan negeri dan banyak membantu beliau.

Dalam pada itu, lima kementerian akan diubah nama kepada Kementerian Pembangunan Sosial; Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat; Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar; Kementerian Perumahan serta Kementerian Pelancongan.’

“Selain yang disebut itu, nama kementerian lain dikekalkan dan jumlah kesemuanya adalah sebanyak 13 kementerian,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0929&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm